



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

PROGRAM KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KEKAS) DI BAWAH SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

08 OKTOBER 2023 (AHAD)

08 Oktober 2023, Bintulu: Program Kem Kesedaran Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Sarawak anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Jabatan Pendidikan Sarawak dan PETRONAS. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Timbalan Residen Bintulu, Encik Abang Zainuddin Bin Haji Abang Turkey. Majlis ini turut dihadiri Encik John Anak Rampai, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Encik Lawai Jok, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd., Tuan Haji Khairul Za'im Mohamad Nor, Pengurus Kanan, Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. Sarawak Asset serta Encik Franky Budit Omar, Pengurus Kanan, Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Kumpulan Syarikat Malaysia LNG. Majlis ini turut dihadiri murid-murid sekolah sekitar kawasan Bintulu serta guru-guru pengiring.

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun. Tema HASN tahun 2023 ialah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Objektif Sambutan Hari Alam Sekitar Negara adalah:

- Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas
- Menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar
- Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
- Membudaya dan memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada hari ini melibatkan Program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) yang mana golongan sasaran adalah kepada murid sekolah bagi meningkatkan penglibatan dalam usaha penjagaan alam sekitar di Negeri Sarawak. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengawasan dan penjagaan alam sekitar melalui demonstrasi pengukuran kualiti air, pengurusan sisa menggunakan kaedah kompos serta pengurusan sisa e-waste dan plastik. Selain itu, aktiviti-aktiviti interaktif pelajar melalui permainan dan persembahan bertemakan alam sekitar.

TAMAT